



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 JANUARI 2019 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--------------------------------------|----|
| - Pengurusan sampah perlu naik taraf | 23 |
| - Ramli selesa dikelilingi bunga | 23 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 JANUARI 2019 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pengurusan sampah perlu naik taraf
Muka Surat	23



Suzana (empat kanan) menyerahkan tong sampah kepada wakil penduduk.

SH 22/1/19 M/S 23

Pengurusan sampah perlu naik taraf

UKAY PERDANA - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menyerahkan 20 unit tong sampah untuk kawasan Pusat Komersial Ukay Perdana, di sini, baru-baru ini.

Ahli Majlis MPAJ, Suzana Shahrudin berkata, sebelum ini KDEB Waste Management telah mengedarkan 12 unit tong sampah di kawasan berkenaan.

"Jumlah tersebut dibahagikan untuk empat lorong di kawasan Komersial Ukay Perdana, namun ia tidak mampu menampung kapasiti sampah yang dibuang oleh penduduk, oleh itu kita telah memohon MPAJ untuk menambah lagi jumlah tong sampah di sini," katanya.

Suzana berkata, pihaknya juga akan mengadakan gotong-royong pada masa terdekat untuk membersihkan kawasan lapang yang telah dipenuhi semak dan pokok pisang.

"Kita akan menjadikan kawasan tersebut lebih teratur untuk kawasan pembuangan sampah dan kebun komuniti," katanya.

Menurutnya, pengurusan sampah di kawasan tersebut sebelum ini dipercayai tidak diuruskan dengan baik.

"Saya menerima aduan daripada penduduk kawasan ini berbau busuk, malah air sampah mengalir, namun perkara ini selesai setelah KDEB Waste Management menguruskan sampah di kawasan ini, mereka mengutip sampah setiap hari," katanya.

Sementara itu, Ketua Komuniti Pusat Komersial Ukay Perdana, Mokhtar Hayadi, berkata, pihaknya telah memaklumkan kepada penduduk agar membuang sampah di tempat yang telah disediakan pada waktu malam. Ia akan memudahkan kerja KDEB Waste.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 JANUARI 2019 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Ramli selesa dikelilingi bunga
Muka Surat	23

Ramli selesa dikelilingi bunga

SH 22/1/19 M/S 23.

AMPANG - Bagaikan berada di taman bunga dengan dipenuhi pelbagai jenis pokok bunga dan pokok yang menghijau, menyerlahkan lagi keharmonian dan ketenangan semula jadi di kawasan persekitaran rumah Ramli Sumat di Au3 Taman Keramat.

Biarpun bunga tersebut tumbuh di dalam pasu, gambaran keindahan 'taman bunga' ini telah diusahakan sejak 30 tahun lalu.

Obses dengan keunikan pokok bunga membuatkan kediaman warga emas berusia 70 tahun ini sarat dengan pelbagai jenis tanaman hiasan itu termasuk ruang tamu dihiasi dengan lakaran hiasan bunga.

"Saya menganggarkan sebanyak 100 jenis pokok bunga termasuk bunga kertas, cempaka, bidara dan delima telah ditanam di sekitar laman rumah, selain itu dapat membantu menambah oksigen," katanya.

Ramli atau lebih mesra dengan panggilan Ramli bunga berkata, sebelum ini rumahnya dipenuhi



Ramli melihat pokok bunga yang ditanam di kubur isterinya.

bunga orkid sahaja, sebelum ditukar dengan pokok lain.

"Penduduk di sini mengenali saya dengan gelaran Ramli bunga kerana rumah ini paling banyak tumbuhan menghijau dan pokok bunga berbanding rumah lain," katanya.

Dia memperuntukkan RM200 setiap bulan untuk membeli bunga.

"Setiap bulan saya beli bunga di Sungai Buloh, kadangkala saya beli bunga dengan penjual bunga membawa lori yang melalui kawasan perumahan ini dua

minggu sekali," katanya.

Dia berkata, penjagaan bunga biasa senang berbanding bunga orkid.

"Penjagaan bunga orkid ini kita perlu melayan dan bercakap dengannya, setiap malam kena semburan air, macam orang lain bela burung dalam sangkar bercakap dengan haiwan tersebut," katanya.

Menurutnya, pusara isterinya turut dihiasi dengan pokok bunga.

"Saya dan rakan luangkan masa bersihkan kubur," katanya.